



# FKP USIM

## rapat hubungan dengan komuniti

**F**AKULTI Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengorak satu lagi langkah ke hadapan dalam menyebarkan ilmu dan khidmat kepada masyarakat dengan mengambil Taman Desa Pinggiran Bayu, Mantin, Negeri Sembilan sebagai taman angkat mereka.

Peristiwa bersejarah itu dilihat telah berjaya mendapat kerjasama dan menyatukan pelbagai pihak menerusi program tiga hari dua malam iaitu Karnival Taman Angkat FKP.

Program ini merupakan anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Pengajian Akidah dan Agama (Perwadah) FKP dengan Jawatankuasa Surau Al-Hidayah Desa Pinggiran Bayu. Ternyata program itu telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk setempat.

Antara pihak yang turut sama menjayakan program ini adalah Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, Palapes USIM, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Balai Bomba Mantin dan banyak lagi dengan menyediakan pelbagai bahan untuk acara sampingan.

Menurut penasihat program yang juga Dekan FKP, Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, program berbentuk penglibatan komuniti



**PARA peserta turut didedahkan dengan bengkel intensif praktikal penyembelihan yang memberi peluang kepada peserta mengetahui lebih lanjut tentang syarat menyembelih.**

ini sudah sehati dengan jiwa pensyarah dan mahasiswa di FKP.

"Melalui program ini, universiti berpeluang menjana pembangunan kerohanian, intelek serta jati diri para peserta dan masyarakat setempat di

samping mendedahkan para peserta dengan permasalahan secara realiti sebelum melangkah keluar sebagai masyarakat yang berilmu," katanya.

Sementara itu, pengarah induk program, Mohd. Rosmizi Abd Rahman berpendapat,

program ini merupakan perasmian program penglibatan komuniti USIM dan warga Desa Pinggiran Bayu bertujuan menyebarkan ilmu dan kepakaran kakitangan dan mahasiswa kepada masyarakat setempat.

"Kami juga dapat menjalankan hubungan jangka masa panjang dengan penduduk agar lebih utuh. Selain itu, pada masa akan datang, pelbagai program akan dirangka oleh USIM dengan lebih mudah dan tersusun," katanya.

Menurutnya, aktiviti yang dijalankan sepanjang Karnival Taman Angkat FKP itu adalah motivasi kekeluargaan, bengkel intensif praktikal penyembelihan, bengkel intensif praktikal solat, bengkel intensif akidah, forum perdana, qiamullail, ceramah, gotong-royong dan sukan rakyat.

"Program ini berjaya melatih mahasiswa USIM dan warga Desa Pinggiran Bayu untuk berdikari dan bekerjasama dalam membuat persiapan dari peringkat awal hingga ke hari kemuncak program dijalankan," ujarnya.

Sementara itu, program tersebut menampilkan pensyarah-pensyarah luar negara seperti dari Mesir, Nigeria, Somalia, Yaman, Indonesia dan Filipina.

Penglibatan itu, katanya telah membuka peluang kepada masyarakat setempat untuk berkenalan dan bertukar pendapat.



**ACARA** sampingan seperti perlawanan bola sepak sambil berkain pekat, antara aktiviti yang menghiburkan para peserta yang terlibat.